

TARIKH	13 OGOS 2025 (RABU)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	5 TONGGAK RANGKA KERJA NEGARA AI		
M/S	8 (NASIONAL)	KATA KUNCI	PROGRAM MANAGEMENT
BIDANG	MANAGEMENT		



Anwar pada Perasmian Sidang Kemuncak ASEAN AI Malaysia 2025 Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Gobind Singh (lima dari kiri), Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil (kanan) dan Kim Hourm (lapan dari kiri). (Foto BERNAMA)

5 tonggak Rangka Kerja Negara AI

Pendekatan bina kapasiti rakyat supaya mampu memanfaatkan teknologi

Oleh Zanariah Abdul Motalib dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggariskan lima tonggak utama dalam Rangka Kerja Negara AI yang akan menentukan hala tuju Malaysia dalam merealisasikan aspirasi menjadi sebuah Negara AI.

Perdana Menteri berkata, lima tonggak utama itu ialah dasar berpandangan jauh; tenaga kerja

tangkas dan celik digital; infrastruktur digital yang selamat dan boleh dipercayai; kemajuan kepercayaan digital; serta pelaburan strategik yang membangunkan ekosistem kecerdasan buatan (AI) menerusi kerjasama awam-swasta dan kolaborasi global.

Lima tonggak itu, katanya, akan menggerakkan Ekonomi MADANI yang menekankan aspek keterangkuman, kebolehppercayaan dan kesediaan AI bagi kegunaan sebenar serta membawa kemajuan teknologi yang bersifat inklusif dan berdaya saing.

"Malaysia tidak boleh membiarkan AI hanya dikuasai oleh negara atau syarikat tertentu kerana ia berpotensi menjadi pemangkin perubahan sosioekonomi yang meluas jika digunakan secara bertanggungjawab."

"Pendekatan kita ialah membina kapasiti rakyat supaya mampu memanfaatkan AI, sam-

bil memastikan perlindungan dan kepercayaan digital terus diperkukuh.

"AI tidak akan menjadi alat untuk segelintir pihak, ia akan menjadi kuasa untuk semua; memacu tadbir urus yang lebih baik, mencetus inovasi dan meningkatkan kualiti hidup. Menerusi Rangka Kerja Negara AI, kita akan pastikan teknologi ini berfungsi untuk setiap rakyat Malaysia, di setiap pelosok negara," katanya ketika menyampaikan ucapan tama pada perasmian Sidang Kemuncak ASEAN AI Malaysia di sini, semalam.

Yang turut hadir Setiausaha Agung ASEAN, Dr Kao Kim Hourm dan Menteri Digital, Gobind Singh Deo.

Cabaran jurang digital

Anwar turut menegaskan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar, termasuk dalam kalangan pelajar institusi agama tradisional, adalah caba-

ran utama yang perlu ditangani negara bagi memastikan transformasi digital memberi manfaat kepada semua rakyat.

Beliau berkata, jika tidak diatasi, jurang itu akan mewujudkan perbezaan besar antara mereka yang menguasai disiplin baharu dan mereka yang langsung tidak mengetahuinya, sekali gus tidak mampu meningkatkan taraf hidup atau kekal relevan.

"Jika kita tidak menanginya, akan berlaku jurang antara mereka yang menguasai ilmu dan mereka yang langsung tidak mengetahui disiplin baharu. Mereka akan menjadi tidak mampu untuk mencabar secara berkesan demi meningkatkan taraf hidup rakyat."

"Cabaran masa kini berbeza, iaitu bagaimana memastikan masyarakat yang tidak terdedah kepada teknologi tidak terus ketinggalan. Isu ini bukan sahaja membabitkan jurang antara

yang kaya dan miskin, tetapi juga dalam sesebuah negara itu sendiri, termasuk antara kelompok yang mahir teknologi dan mereka yang langsung tidak mempunyai akses," katanya.

Menyentuh mengenai ASEAN, Anwar berkata, ini adalah peluang terbaik dengan lebih 700 juta penduduk, ekonomi digital yang berkembang pesat serta kepelbagaian budaya dan bahasa yang luar biasa, rantau ini berada pada kedudukan unik untuk membentuk AI dengan cara yang inklusif, beretika dan selaras dengan nilai-nilai bersama.

Beliau berkata, jika rantau ini mendepani detik berkenaan dengan pandangan jauh dan keberanian, AI mampu merapatkan jurang pembangunan, memperkasa perusahaan kecil, memajukan komuniti luar bandar, mengukuhkan perkhidmatan awam serta memperluas akses kepada penjagaan kesihatan, pendidikan dan keadilan untuk semua.

**DISEDIAKAN
OLEH**

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM